

Headline	Kerajaan negeri, FRIM kerjasama buat penilaian pokok berisiko		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,633
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,900



## Kerajaan negeri, FRIM kerjasama buat penilaian pokok berisiko

**GONG BADAK** - Kerajaan negeri bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) bagi menilai kesemua pokok di sekitar jalan utama dan kawasan rekreasi supaya tindakan yang bakal diambil memberi manfaat kepada semua pihak.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, penilaian itu dibuat bagi mengambil kira keselamatan orang awam.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan FRIM akan bekerjasama untuk membuat penilaian terhadap kesemua pokok yang berisiko kerana pihaknya tidak boleh mengambil tindakan drastik dengan terus menebang.

"Beberapa orang pegawai FRIM juga sudah datang ke sini (Terengganu) untuk buat penilaian dan



Ahmad Razif (dua, kiri) meletakkan hiasan pada bubur asyura.

keputusan akan dibuat dalam masa terdekat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Kacau Sura Perdana Daerah Kuala Nerus di perkarangan Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, di sini, semalam.

Ahmad Razif berkata, ada sesetengah pokok memberi manfaat kepada persekitaran termasuk membekalkan okigen dan sebagainya.

"Buat masa ini PBT sedang giat cantas dan bersihkan pokok-pokok di jalan utama supaya keselamatan awam lebih terjamin,"

katanya.

Tambahnya, pokok-pokok akan ditebang secara berperingkat sekiranya ia dinilai memberi risiko tinggi kepada orang awam.

"Bagi yang kurang berisiko ia akan dirapikan dengan mencantas dahun tidak diperlukan," katanya.